

20 peratus hasil jualan rumah PPR diguna beli balik rumah

DBKL wujud akaun khas

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
kotia@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 15 Feb. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mewujudkan sebuah akaun khas untuk membeli balik rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) daripada pembayar cukai rumah (SPWP).
Datuk Tan Sri Ahmad Faizal (gambar) berkata, akaun tersebut mewujudkan mekanisme sebanyak 20 peratus hasil jualan PPR dan PA akan menjadi jama-

nan kepada skim penjualan rumah berkenaan.

Menurutnya, berdasarkan nilai jualan 4,988 unit rumah PPR dan PA sehingga 31 Januari lalu, sebanyak RM155 juta akaun khas ini kini mempunyai dana sebanyak RM30 juta.

"Sebelum ini banyak pihak memproteskan dari mana DBKL dapatkan, ada yang kata kenapa DBKL dipaksa beli rumah terse-



but dan ada yang tuduh kita guna wang daripada hasil cukai taksiran yang kita peroleh dan pelbagai lagi.

"Namun, saya tegaskan di sini bahawa Kabinet telah luluskan hasil pembelian rumah PPR dan PA ini 100 peratus menjadi milik kami, jadi tiada isu yang mengatakan DBKL tiada wang dan skim ini menyalahgana-

nakan KWSP," katanya.
Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengumumkan

penganjuran program 'KUL Sign Festival 2012' di Pasar Seni di sini baru-baru ini.

Tambah Ahmad Fuad, bagi mendapatkan kembali wang daripada akaun khas itu yang digunakan untuk membeli rumah, rumah itu akan dijual semula pada harga pasaran kepada pemohon yang berdaftar dengan Sistem Pendaftaran Terbuka DBKL.

Katanya, berdasarkan harga pasaran hartanah pada masa ini, dianggarkan harga rumah tersebut boleh dijual pada harga RM70,000 hingga RM80,000 berikutan lokasinya yang strategik.

Sementara itu, mengulas mengenai 'KUL Sign' Festival 2012,

beliau berkata, ia bertujuan menjalin kerjasama dua hala dan perhubungan antara DBKL dengan pengadun komuniti.

Katanya, festival dua hari yang memasuki edisi kedua itu akan berlangsung pada 25 Februari ini di Dataran LRT Pasar Seni dan pertandingan 'KUL Sign' Graffiti bertemakan Greater KL akan turut diadakan.

"Kumpulan sasaran pertandingan ini ialah pelukis tempatan dan setakat ini, seramai 200 peserta telah mengesahkan penyertaan termasuk pelukis dari luar negara seperti dari Itali, Singapura, Hong Kong, Sweden dan sebagainya," katanya.

